

Merantau cari basikal antik

Kebanyakan model dipasarkan sekitar tahun 50-an hingga 70-an

ALOR SETAR - Khazanah lama yang dimiliki perlu dipelihara supaya dapat diwarisi generasi akan datang.

Bagi Musa Hussin, 55, dia mengumpul basikal lama sejak 10 tahun lalu.

Dia yang tinggal di Kampung Aman, Lorong Fajar dekat sini kini mempunyai hampir 20 basikal lama dan setiap satunya mempunyai keunikannya tersendiri termasuk harga mencecah ribuan ringgit.

Menurut Musa, minatnya mengumpul basikal antik itu bermula sejak melihat pelbagai reka bentuk basikal hingga sanggup merantau untuk mencarinya.

"Oleh kerana terlalu minat mengumpul basikal lama, saya sanggup menjelajah ke beberapa negara untuk mendapatkannya, malah pernah membelinya hingga ke Indonesia.

"Kebanyakan basikal yang saya miliki ini pernah dipasarkan sekitar tahun 50-an hingga 70-an," katanya.

Antara koleksi basikalnya adalah dari jenama British Small Arm (BSA), Royal and Field, Raleigh, Hecules, Sunbeam, Robin Hood, Chopper, Hopper dan Road Puppy.

Setiap basikal itu memiliki keunikannya sendiri kerana setengahnya memiliki meter, jam, kunci tengkok, loceng tembaga, tayar dan kualiti ba-



“Memang sangat susah mendapatkan alat ganti basikal ini kerana pihak kilang telah menghentikan pengeluarannya. Jadi, saya terpaksa mencari alat ganti dengan berhubung dengan persatuan basikal yang ada dalam dan luar negara.” - Musa

sikal itu sendiri.

"Memang sangat susah mendapatkan alat ganti basikal ini kerana pihak kilang telah menghentikan pengeluarannya. Jadi, saya terpaksa mencari alat ganti dengan berhubung dengan persatuan basikal yang ada dalam dan luar negara," katanya.

Katanya, sebelum ini ada beberapa pihak ingin membeli



Musa gembira hobinya mengumpul basikal antik merapatkan lagi hubungan kekeluargaan.

basikalnya dengan menawarkan harga hingga mencecah RM3,000 tetapi menolaknya kerana sangat sukar untuk mendapatnya kembali.

Bagaimanapun dia lebih gembira jika semua basikalnya itu dipamerkan atau disewa pihak tertentu bagi meraikan sesuatu program.

"Baru-baru ini kesemua basikal antik telah disewa se-

pasang pengantin yang mahu menaiki basikal secara beramai-ramai pada majlis itu.

"Saya gembira kerana masih ada generasi muda kini yang minat dengan basikal antik itu," katanya.

Menurutnya, dia turut menyertai pelbagai pertandingan basikal antik, malah pernah beberapa kali memenangi hadiah selain diundang Kelab Gerek Tua Alor Setar (Getuas) yang diwakilinya pada Hari Kemerdekaan dan pelbagai perarakan.

"Minat mengumpul basikal antik ini juga turut diwarisi anak saya yang turut serta dalam pelbagai perarakan.

"Selain sebagai hiburan, ia juga merapatkan lagi hubungan kekeluargaan selain mendapat lebih ramai kenalan," katanya.



Musa dan anaknya menunjuk hadiah serta sijil penghargaan yang diterima oleh mereka.



Mohd Haziq (kanan) dan adiknya, Mohd Faiz turut berkongsi minat mengumpul basikal antik.



Mohd Haziq (kiri) dan Mohd Faiz sentiasa menjaga basikal antik yang dimiliki bapa mereka.